



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION



TARIKH	3 MAC 2026 (SELASA)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	LESEN OPERASI LYNAS DILANJUT 10 TAHUN LAGI		
M/S	25 (BISNES)	KATA KUNCI	RARE EARTHS, WASTE
BIDANG	LYNAS	PROCESSING	



Lesen operasi Lynas dilanjut 10 tahun lagi

Malaysia memperbaharui lesen operasi Lynas Rare Earths 10 tahun lagi bagi membolehkan syarikat perlombongan Australia itu mengimport bahan mentah mengandungi bahan radioaktif semula jadi dan memproses unsur nadir bumi.

Syarikat memaklumkan Jabatan Tenaga Atom Malaysia dijangka mengeluarkan lesen rasmi tidak lama lagi dan ia akan berkuat kuasa mulai 3 Mac.

Susulan pengumuman itu, saham Lynas meningkat sehingga tujuh peratus kepada A\$20.30 setakat 0131 GMT, paras tertinggi sejak 21 Oktober 2025, manakala penanda aras S&P/ASX 200 susut kira-kira 0.5 peratus.

Beberapa tahun lalu, Malaysia membangkitkan kebimbangan berhubung tahap radiasi daripada proses 'cracking' dan 'leaching', sekali gus mencetuskan persoalan sama ada lesen operasi Lynas akan diperbaharui.

Pada 2023, kerajaan meminda lesen berkenaan bagi membolehkan firma Australia itu beroperasi sehingga Mac 2026.

Lynas turut melabur dalam kemudahannya di Malaysia dengan perbelanjaan kira-kira A\$180 juta (AS\$127.91 juta) bagi membina fasiliti pengasingan baharu, sejajar peningkatan permintaan terhadap oksida nadir bumi berat yang diperoleh dari luar China.

REUTERS